

# LARIAN 10KM RMAF CHALLENGE PANGKALAN UDARA KUCHING BERSAMA PONGLIMA OPERASI UDARA

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5553-larian-10km-rmaf-challenge-pangkalan-udara-kuching-bersama-panglima-operasi-udara](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5553-larian-10km-rmaf-challenge-pangkalan-udara-kuching-bersama-panglima-operasi-udara)

KUCHING, 26 Okt 19 - Pangkalan Udara Kuching telah melaksanakan Program Kecergasan ‘RMAF 10KM Challenge’ yang diwajibkan kepada setiap lapisan warga TUDM seperti yang disarankan oleh pemerintah tertinggi TUDM.

Objektif utama penganjuran program ini adalah bertujuan untuk membudayakan gaya hidup sihat dikalangan anggota TUDM bagi mengekalkan kecergasan dan kelangsungan badan seperti yang ditetapkan dalam perkhidmatan.

Program yang bermula seawal jam 7.00 pagi dimulakan dengan senamrobik di bawah kelolaan Jurulatih Jasmani TUDM sebelum dilepaskan oleh Panglima Operasi Udara, Lt Jen Dato’ Sri Hj Abdul Mutalib bin Datuk Ab Wahab TUDM yang mewakili Panglima Tentera Udara. Turut serta dalam larian ini adalah Panglima Bantuan Udara, Mej Jen Dato’ Haji Mohammad Salleh bin Hj Osman TUDM dan juga Pegawai-pegawai kanan TUDM serta Pasukan Latihan Pegawai Simpanan dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).





